



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6 , BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA

Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Ruj Tuan
Ruj. Kami
Tarikh

: KKM. 100-2/2/3 JLD. 4 (12)
: 18 Mac 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 10/2021 (07 Mac hingga 13 Mac 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menyalankan amanah,

(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG
(M/10026477)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
18/3




KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 10/2021 dari 07 Mac hingga 13 Mac 2021)

Pada minggu ke-10, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan dengan sebanyak 507 kes dilaporkan berbanding 533 kes pada minggu sebelumnya iaitu penurunan sebanyak 26 kes (4.9%). Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-10. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 6,078 kes berbanding 28,858 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu penurunan 78.9% (22,780 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak tiga (3) kematian berbanding 43 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 40 kematian (93%) (**Lampiran A & C**). Jumlah lokaliti hotspot meningkat kepada lapan (8) lokaliti pada minggu ke-10 berbanding dengan lima (5) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Tujuh (7) lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor (87.5%) dan satu (1) lokaliti hotspot berada di WPKL & Putrajaya (12.5%). (**Lampiran B & D**).

Sistem Surveilan Chikungunya merekodkan sebanyak 42 kes pada minggu ke-10 yang mana adalah 16 kes dari Selangor, tujuh (7) kes dari Perak, enam (6) kes dari WPKL & Putrajaya, enam (6) kes dari Johor, dua (2) kes dari Pulau Pinang, dua (2) kes dari Kedah, dua (2) kes dari Kelantan dan satu (1) kes dari Melaka. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 257 (**Lampiran E**). Bagi surveilan Zika, sebanyak 267 sampel darah dan lapan (8) sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Peningkatan curahan hujan dan ribut petir pada waktu petang menandakan tempoh peralihan monsun di Malaysia. Tempoh ini dijangka berlanjut sehingga bulan Mei 2021. Curahan hujan yang tinggi boleh menyebabkan air bertakung dalam tempat-tempat yang berpotensi contohnya longkang atau struktur yang menakung air. Maka, masyarakat setempat perlu melakukan aktiviti cari dan musnah serta membubuh bahan pembunuhan jentik-jentik di dalam bekas takungan air kekal atau sukar dibersihkan bagi memutuskan rantaian jangkitan Denggi di sesbuah kawasan. Tindakan pencegahan oleh masyarakat dalam menghapuskan tempat pembiakan Aedes boleh mencegah jangkitan Zika, Denggi dan Chikungunya. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**



TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH


Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

22 Mac 2021

Lampiran A




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 09 dan ke- 10 tahun 2021




Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 10 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020

Lampiran B



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-10 tahun 2021

Lampiran C

KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 10/2021
(07 Mac hingga 13 Mac 2021)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 10/2021		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 10/2020	
		Minggu Epid 10 (7 Mac– 13 th Mac 2021)		Minggu Epid 09 (28 Februari – 6 Mac 2021)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	0	0	0	0	2	0	14	0
2	Kedah	3	0	7	0	60	0	248	0
3	P. Pinang	11	0	8	0	109	0	253	1
4	Perak	11	0	10	0	138	0	888	1
5	Selangor	287	0	290	0	3386	0	17749	14
6	WP KL & Putrajaya	57	0	59	0	677	0	2190	3
7	N. Sembilan	12	0	12	0	171	1	500	1
8	Melaka	12	0	20	0	229	0	494	3
9	Johor	42	0	43	0	607	1	2219	6
10	Pahang	12	0	12	0	145	1	704	2
11	Terengganu	0	0	3	0	15	0	87	0
12	Kelantan	8	0	7	0	71	0	1183	2
13	Sarawak	9	0	10	0	100	0	688	2
14	Sabah	43	0	51	0	366	0	1638	8
15	WP Labuan	0	0	1	0	2	0	3	0
	MALAYSIA	507	0	533	0	6078	3	28858	43

Lampiran D**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 10/2021
(07 Mac hingga 13 Mac 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U10 (Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b)	39	64
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 10-20 Taman Kantan Permai	14	62
3	WPKL	Titiwangsa	PPR Laksamana (A/B/C)	10	42
4	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 9 (Kuarters IPK Selangor)	12	36
5	SELANGOR	Petaling	E14. Bt 13 1/2 (Koi Tropika)	10	35
6	SELANGOR	Petaling	E4. Seksyen U16 (Denai Alam Teres : Jln U16/69 - U16/72)	10	33
7	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U19 (KBSB : Jln Welfare)	7	32
8	SELANGOR	Petaling	E15. Bdr Kinrara 6F (Enggang Appt)	17	31

Lampiran E

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 10/2021 (13 Mac 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Johor	Kluang	1	
		Muar	1	
		Tangkak	15	17
2.	Kedah	Baling	1	
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	32	56
		Kulim	19	
		Sik	3	
3.	Kelantan	Gua Musang	1	
		Kuala Krai	2	
		Tanah Merah	1	6
		Tumpat	2	
4.	Melaka	Alor Gajah	1	
		Melaka Tengah	10	11
5.	Perak	Kinta	2	
		Kuala Kangsar	16	
		Larut Matang & Selama	7	59
		Manjung	34	
6.	Pulau Pinang	Barat Daya	3	
		Seberang Perai Tengah	1	
		Seberang Perai Utara	5	9
7.	Selangor	Gombak	2	
		Hulu Langat	2	
		Klang	30	34
8.	WP Kuala Lumpur	Kepong	62	
		Lembah Pantai	3	65
JUMLAH KUMULATIF			257	

